

# KAMPUNG KEPIS -LUAK JOHOL

Sebelum Kampung Kepis ini di perintah oleh Dato Baginda Dolah/ Abdullah maka kampung ini telah sedia didiami oleh penduduk aslinya iaitu **SUKU BIDUANDA**. Kemudian datanglah peneroka-peneroka yang tidak di undang ke kampung ini untuk membuat kampung halaman kerana kawasan tanah pamahnya amat luas dikiri kanan sungainya maka sangat sesuai untuk dibuat kampung dan bertanam padi.

Kumpulan-kumpulan yang datang itu terdiri dari:-

1. Suku Seri Lemak Minangkabau
2. Suku Tanah Datar Lima Puluhan
3. Suku Paya Kumbuh Senaling ( berasal dari Senaling)
4. Suku Paya Kumbuh Juaseh (berasal dari Juaseh)
5. Suku Seri Lemak Pahang (berasal dari Pahang)
6. Suku Tanah Datar Lapan Puluh  
(dari mana datangnya perbezaan 50 dan 80 masih belum diketahui lagi)
7. Suku Tiga Batu

Suku-suku di Kampung Kepis ini bolehlah dikatakan banyak juga tetapi anakbuahnya ketika itu belum ramai lagi maka oleh itu seorang Dato' Lembaganya ditetapkan mentadbir beberapa suku tambahan termasuk urusan **TANAH PUSAKA ADAT**.

Pentadbirannya telah diambil ketetapan seperti berikut:-

1. Datuk Paduka Besar :                   Suku Seri Lemak Minangkabau (Suku Asal)  
   Suku Tanah Datar 50
2. Dato' Seri Maharaja :                   Suku Paya Kumbuh Senaling (Suku Asal)  
   Suku Paya Kumbuh Juaseh  
   Suku Seri Melenggang
3. Dato' Sinda Maharaja :                   Suku Seri Lemak (Asal)  
   Suku Tanah Datar 80  
   Suku Tiga Batu
4. Dato' Baginda Tan Mas :                   Suku Biduanda (asal)

## **TUA SUKU**

Tiada jawatan **BUAPAK** di Kampung Kepis hanya dibantu oleh Tua Suku sahaja yang telah dan sedang memegang jawatan tersebut ialah:-

- i. Cikgu Yusof bin Sidek
- ii. Tadin bin Uchus
- iii. Dewa bin Uchus (sekarang)

## **PAWANG / DUKUN BESAR**

Satu lagi jawatan penting di Kampung Kepis ialah **PAWANG**. Pawang dilantik dari orang-orang yang layak sahaja iaitu setelah dapat kebulatan dari anak buah. Tugas pawang ialah sebagai Dukun Besar atau Ketua Dukun di kampung ini.

Penyandangnya ialah:-

- i. Pawang Malik (lebih dikenali dengan panggilan Pawang Rokan)
- ii. Pawang Lisut
- iii. Pawang Jombeh
- iv. Pawang Siban
- v. Pawang Arof
- vi. Pawang Wahab (sekarang)

## **ALIM ULAMA/ TOK GURU UGAMA**

Tidak lengkap kiranya tidak dicatitkan di sini para alim ulama yang telah berkhidmat mengembangkan Agama Islam di Kampung Kepis ini. Perlu disebut bahawa apa yang dicatitkan ini bukanlah sejarah lengkap seperti apa yang kita kehendaki tetapi cuma setakat yang dapat dikesan dari orang-orang tua yang ada sekarang.

Menurut catitan Dato' Sinda Hj Abd Rani, Alim ulama pertama yang dapat diketahui ialah:-

Tuan Imam Pakeh (berasal dari Sumatera)  
Kuburnya di Kampung Kepis (asal)